



WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

8 Julai 2011
8 July 2011
P.U. (A) 231

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA SENAI-PASIR GUDANG-DESARU) 2011

*FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT)
(COLLECTION OF TOLLS)
(SENAI-PASIR GUDANG-DESARU EXPRESSWAY)
ORDER 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984

**PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PUNGUTAN TOL)
(LEBUH RAYA SENAI-PASIR GUDANG-DESARU) 2011**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [*Akta 306*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuhraya Senai-Pasir Gudang-Desaru) 2011.**

- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 10 Julai 2011.

Pemberikuasaan untuk memungut tol

2. (1) Senai-Desaru Expressway Berhad diberi kuasa bagi tempoh dari 10 Julai 2011 hingga 17 Julai 2038 untuk meminta, memungut dan menyimpan tol yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama mengikut tahun-tahun konsesi yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi penggunaan ke mana-mana arah mana-mana bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuhraya Senai-Pasir Gudang-Desaru yang bermula-

- (a) dari kilometer 0.00 Lebuhraya Senai-Pasir Gudang-Desaru di koordinat T 9682.543, U -46983.064 Grid Cassini Negeri Johor, dan berakhir di kilometer 69.50 di koordinat T 71212.011, U -51148.459 Grid Cassini Negeri Johor, termasuk Persimpangan Bertingkat Utama Senai, Persimpangan Bertingkat Bandar Senai, Plaza Tol Masuk/Keluar Senai, Persimpangan Bertingkat Ulu Tiram, Plaza Tol Masuk/Keluar Ulu Tiram, Persimpangan Bertingkat Cahaya Baru, Lintasan Sungai Johor, Plaza Tol Masuk/Keluar Penawar, Persimpangan Penawar dan jalan-jalan sambungannya, iaitu suatu jarak sepanjang 69.50 kilometer; dan

(b) dari kilometer 0.00 (PGC) Lebuh Raya Senai-Pasir Gudang-Desaru di koordinat T 44365.578, U -64261.849 Grid Cassini Negeri Johor, dan berakhir di kilometer 7.70 (PGC) di koordinat T 44871.636, U -56876.604 Grid Cassini Negeri Johor, termasuk Persimpangan Bertingkat Pasir Gudang, Plaza Tol Masuk/Keluar Cahaya Baru, Persimpangan Bertingkat Cahaya Baru dan jalan-jalan sambungannya, iaitu suatu jarak sepanjang 7.70 kilometer,

oleh kelas-kelas kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama.

(2) Jalan-jalan yang dinyatakan dalam subperenggan (1) yang bagi penggunaannya tol dibenarkan diminta, dipungut dan disimpan ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua.

Pengambilan tiket transit dan pembayaran tol

3. (1) Seseorang pemandu kenderaan hendaklah, sebelum melalui mana-mana plaza tol masuk yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, mengambil satu tiket transit di plaza tol masuk itu dan hendaklah, sebelum melalui mana-mana plaza tol keluar yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, mengemukakan tiket transit itu di plaza tol keluar itu dan membayar tol yang kena dibayar di bawah subperenggan 2(1).

(2) Seseorang pemandu kenderaan yang menggunakan kad atau peranti elektronik hendaklah melalui suatu lorong tol yang mempunyai mesin pembaca kad atau peranti elektronik, menghampiri mesin pembaca itu dan menyentuhkan kad atau peranti elektronik ke mesin pembaca itu, dan tol yang kena dibayar hendaklah ditolak daripada kad atau peranti elektronik itu.

(3) Seseorang pemandu kenderaan yang menggunakan tag elektronik hendaklah, sebelum melalui lorong tag elektronik yang dikhaskan, mempamerkan tag elektronik atau tag elektronik dengan kad atau peranti elektronik yang sah di cermin hadapan kenderaan dan tol yang kena dibayar hendaklah ditolak daripada tag elektronik atau kad atau peranti elektronik itu.

(4) "Kad atau peranti elektronik" dan "tag elektronik" yang disebut dalam perenggan ini ertiinya-

- (a) sesuatu kad atau peranti elektronik dan tag elektronik yang diluluskan oleh Menteri, yang dikeluarkan bagi maksud pembayaran tol;
- (b) berhubung dengan sesuatu kad atau peranti elektronik, suatu kad atau peranti elektronik yang boleh dibaca oleh mesin pembaca yang dipasang di lorong tol; dan
- (c) berhubung dengan sesuatu tag elektronik, suatu tag elektronik yang boleh menyebabkan palang di lorong tag elektronik yang dikhaskan dinaikkan secara elektronik.

Pengecualian daripada pembayaran tol

4. Walau apa pun peruntukan Perintah ini, tiada tol kena dibayar berkenaan dengan mana-mana kenderaan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Pembatalan

5. Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuhraya Senai-Pasir Gudang-Desaru) 2009 [P.U. (A) 364/2009] dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

[Subperenggan 2(1)]

KADAR TOL BAGI TEMPOH KONSESI DARI 9 OKTOBER 2009

HINGGA 17 JULAI 2038

(BAGI PLAZA TOL MASUK SENAI, ULU TIRAM DAN CAHAYA BARU)

KADAR TOL BAGI TEMPOH KONSESI DARI 10 JULAI 2011

HINGGA 17 JULAI 2038

(BAGI PLAZA TOL MASUK PENAWAR)

Plaza Tol Keluar: Senai

(1) Plaza Tol Masuk	(2) Tahun Konsesi	(3) Tol Kena Dibayar (RM) Mengikut Kelas Kenderaan				
		Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Kelas 4	Kelas 5
1. Ulu Tiram	9.10.2009 -14.1.2011	3.70	5.60	7.50	1.90	1.40
	15.1.2011 - 2013	3.70	5.60	7.50	1.90	2.80
	2014 - 2016	4.50	6.80	9.00	2.30	3.40
	2017 - 2019	5.00	7.40	9.90	2.50	3.70
	2020 - 2022	5.50	8.20	10.90	2.70	4.10
	2023 - 2025	6.00	9.00	12.00	3.00	4.50
	2026 - 2028	6.60	9.90	13.20	3.30	5.00
	2029 - 2031	7.30	10.90	14.50	3.60	5.40
	2032 - 17.7.2038	8.00	12.00	16.00	4.00	6.00